

SOALAN NO: 84

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]
TARIKH : 19 MEI 2015
SOALAN :

YB Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah dasar perubatan Kerajaan mengenai 'National Medicines Policy'. Adakah dasar ini masih dipergunakan memandangkan GST diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Ubat Nasional (DUNas) merupakan satu komitmen kerajaan dan pihak-pihak yang berkaitan dengan farmaseutikal di sektor awam dan swasta ke arah mencapai matlamat kerajaan berkaitan pengurusan ubat. Objektif DUNas adalah untuk menggalakkan keperolehan yang sama rata dan penggunaan yang rasional ubat-ubatan penting yang berkualiti, selamat, berkesan dan mampu dimiliki bagi meningkatkan tahap kesihatan rakyat.

Dasar Ubat Nasional (DUNas) ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 11 Oktober 2006 dan semakan penuh bagi Dasar ini telah diadakan pada Oktober 2012 dan diambil maklum oleh Jemaah Menteri pada September 2013.

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Ubat Nasional merangkumi 5 komponen iaitu:

- i) Tadbir urus ubat-ubatan (*Governance in Medicine*);
- ii) Kualiti, Keselamatan dan Keberkesanan Ubat (*Quality Safety and Efficacy of Medicines*);
- iii) Keperolehan Ubat-ubatan (*Access to Medicines*);
- iv) Penggunaan Ubat Secara Berkualiti (*Quality Use of Medicines*);
dan
- v) Perkongsian dan Kerjasama bagi Industri Kesihatan (*Partnership and Collaboration in Healthcare Industry*).

Di bawah polisi DUNas yang ketiga iaitu **Keperolehan Ubat-ubatan (*Access to Medicines*)** terdapat satu subkomponen iaitu **Kemampuan Mendapat Ubat-ubatan (*Affordability of Medicines*)** yang berkaitan dengan isu pelaksanaan GST. Dinyatakan di dalam polisi tersebut, ubat-ubatan yang diperlukan untuk penjagaan kesihatan yang berkualiti hendaklah mampu dimiliki oleh semua. Sehubungan dengan itu, kos tidak sepatutnya menjadi penghalang dalam memastikan ketersediaan ubat-ubatan dan usaha hendaklah diambil untuk menggalakkan persaingan yang sihat ke arah rawatan yang sama rata, telus dan kos efektif serta mampu bertahan (*sustainable*).

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan DUNas, untuk memastikan rakyat tidak dibebankan, pengecualian GST telah diberikan untuk 4200 produk dibawah Senarai Ubat Penting Kebangsaan atau *National Essential Medicine List* (NEML). Walaubagaimanapun, kementerian juga sedang membuat susulan untuk mendapatkan layanan cukai berkadar sifar (*zero rated*) untuk semua ubat preskripsi.